

27 DEC 2002

Mahathir-Pentadbiran

KERAJAAN MAMPU TANGANI MASALAH PENTADBIRAN PADA MASA DEPAN

PUTRAJAYA, 27 Dis (Bernama) -- Asas pentadbiran kukuh yang ada pada kerajaan sekarang akan membolehkan segala permasalahan yang mungkin timbul pada masa depan ditangani sebaik mungkin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata cara pentadbiran kerajaan Malaysia kini di kagumi oleh negara lain terutama negara-negara membangun.

"Negara membangun mengiktiraf ketertiban susunan kerja yang terdapat dalam kerajaan Malaysia dan mereka kagum dengan susunan pentadbiran yang diamalkan oleh kerajaan sehingga menghantar para pegawai mempelajari amalan pentadbiran kerajaan negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis makan malam sempena sambutan Jubli Perak Unit Pemodenan Tadbiran dan Tenaga Manusia Malaysia (Mampu), di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata cara pentadbiran serta cara bekerja yang diamalkan oleh pegawai serta kakitangan awam mengalami banyak perubahan yang ketara berbanding dahulu terutama dengan penggunaan komputer secara meluas.

Justeru beliau mahu supaya Mampu berusaha memperkenalkan cara susunan kerja yang baru sesuai dengan kehendak masa depan yang memerlukan semua pekerja memahirkan diri dengan penggunaan komputer serta memanfaatkan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).

Dr Mahathir berkata tanggungjawab pegawai serta kakitangan kerajaan pada masa depan adalah berat kerana mereka akan menghadapi pentadbiran yang harus mengurus perbelanjaan yang besar.

"Kalau kini perbelanjaan yang terpaksa diuruskan oleh pegawai serta kakitangan kerajaan adalah antara RM60 hingga RM70 bilion tetapi pada masa depan perbelanjaan akan mungkin mencapai angka trilion," katanya.

Justeru, katanya jika pegawai serta kakitangan kerajaan menggunakan cara lama dalam menjalankan tugas sudah pasti mereka tidak dapat mengurus perbelanjaan yang besar pada masa depan.

Dr Mahathir berkata penduduk Malaysia kian bertambah dan mereka memerlukan perkhidmatan pegawai serta kakitangan yang cekap terutama dalam mengendalikan urusan permohonan kontrak dan sebagainya.

Bagaimanapun beliau yakin Mampu akan dapat meningkatkan kecekapannya dalam melaksanakan projek yang memerlukan perbelanjaan yang besar pada masa depan.

Sebagai contoh, katanya Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang menelan belanja RM10 bilion dapat disiapkan mengikut jadual hasil kecekapan para pegawai kerajaan mengendalikan lebih 100 tender bagi pelaksanaan projek itu.

"Ini menunjukkan kita sudah matang dan apa yang harus dilakukan ialah untuk meningkatkan lagi kemampuan dan dengan adanya pengurusan secara elektronik, saya yakin kecekapan para pegawai kerajaan akan dapat ditingkatkan lagi," katanya.

Pada majlis itu Dr Mahathir melancarkan buku bertajuk "Electronic Government in Malaysia - Improving Responsiveness and Capacity to Serve," yang mendokumenkan usaha serta pengalaman Mampu dalam merancang, melaksanakan, menyelaraskan dan memantau projek-projek kerajaan elektronik.

--BERNAMA

AKT AKT ZB